

UCAP SELAMAT, UNGKAPAN ANOMALI NAMUN DIMENGERTI DALAM KOMUNIKASI: PENJELASAN DARI PERSPEKTIF PRAGMATIK

Hasmidar Hassan

hasmidar@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia

Abstrak

Persoalan tentang ucap selamat ini banyak dikaji dari perspektif sosiolinguistik dan sosiopragmatik khususnya yang berasaskan Teori Kesantunan dan Teori Lakuan Bahasa. Walau bagaimanapun, belum ada kajian di luar negara mahupun tempatan yang membincangkan ucap selamat ini dari segi bentuk logik dan makna proposisinya. Melihat bentuk logik ucap selamat dan makna proposisinya yang anomali, penggunaan ucap selamat ini sebenarnya menuntut penjelasan yang sempurna dan menyeluruh. Mengapakah makna proposisinya yang anomali (dan ada yang menganggapnya kosong dari segi semantik) membolehkan ungkapan ini dimengerti dan difahami dan terus digunakan dengan meluasnya dalam komunikasi manusia sehari-hari? Penggunaan ucap selamat yang sekian lama digunakan dalam komunikasi manusia sehari-hari ini didasari oleh sebab yang tertentu dan seharusnya dapat dijelaskan berdasarkan pendekatan yang tertentu. Oleh itu, dengan menggunakan pendekatan pragmatik, khususnya Teori Relevans yang didukung oleh prinsip Relevans Kognitif dan prinsip Relevans Komunikatif, akan dijelaskan mengapakah bentuk ucap selamat yang tersebut sedemikian, dan mengapa penutur bahasa Melayu menggunakannya sejak sekian lama walaupun makna proposisinya anomali?

Kata kunci: sosiopragmatik, literal, anomali, pragmatik, teori Relevans, prinsip Relevans Kognitif dan prinsip Relevans Komunikatif

Abstract

Issues on greetings have been studied from the perspective of sociolinguistics and socio-pragmatics, mainly based on Politeness Theory and Speech Act Theory. However, there has to be a study conducted internationally or in Malaysia that enquires into greetings in terms of its logical form and propositional meanings. Looking at its logical form and anomalous propositional meanings, the usage of these greetings actually requires an indepth analysis. It has been claimed that propositional meaning of greetings are anomalous (some scholars claimed that greetings are zero semantically) and yet they are understood by hearers and widely used among speakers in daily communication. There must thus be a reason why greetings had survived over the years and this is reasonable grounds for analysis. Thus, by using the pragmatic approach mainly the Relevance theory, a research has been carried out to explain why logical forms of greetings as such are being used widely by native speakers of the Malay Language despite its propositional meaning being anomalous.

Keywords: sociopragmatic, literal, anomaly, pragmatic, Relevance theory, relevance cognition and communication approach

PENDAHULUAN

Persoalan tentang ungkapan ucap selamat ini sebenarnya bertitik tolak daripada pertanyaan seorang anak kecil yang ketika itu hanya berusia sembilan tahun. Soalnya, apakah “Selamat Jalan” bermaksud “Jalankah yang selamat?” dan “Selamat Malam”, “Malamkah yang selamat”. Soalan yang dikemukakan tersebut terjawab tetapi tidak berasaskan teori yang saintifik dan bersifat pragmatik, sebaliknya selaras dengan keupayaannya untuk memahami maksud dan tujuan penggunaan sebenar ungkapan “Selamat Jalan” dalam komunikasi seharian.

Sekiranya seorang anak kecil yang hanya berumur sembilan tahun mempersoalkan maksud literal ucap selamat tersebut, tentunya hal ini juga harus difikirkan oleh orang dewasa. Cumanya, persoalan ucap selamat ini bukanlah suatu isu yang berat dan menimbulkan masalah yang perlu ditangani dengan segera seperti isu tatabahasa lain. Selain itu, penggunaannya yang telah sekian lama tentunya telah dianggap betul

oleh ramai orang walaupun pada hakikatnya maksud literal ucap selamat ini anomali ataupun janggal. Kemungkinan juga, persoalan ucap selamat ini tidak diberikan perhatian dan tidak diperikan sebelum ini kerana teori linguistik yang ada lebih menekankan aspek struktur dan belum ada teori linguistik yang memfokuskan aspek makna dari perspektif kognitif dan komunikatif yang sesuai bagi memerikan persoalan ucap selamat ini. Walaupun kemudiannya muncul teori linguistik yang menekankan aspek fungsional, namun tumpuannya pada cara bahasa digunakan, dan setiap unsur dijelaskan dengan merujuk fungsinya dalam keseluruhan sistem bahasa.

Kajian tentang ucap selamat didapati telah dijalankan lewat tahun 60-an dalam disiplin sosiolinguistik dan analisis wacana. Sebagai aspek yang signifikan dalam fenomena kesantunan pula, ucap selamat juga dikaji dari perspektif sosiopragmatik, iaitu berdasarkan rangka kerja Etnografi Komunikasi, teori Kesantunan dan teori Lakuan Pertuturan. Kesemuanya membincangkan penggunaan ucap selamat dari sudut tujuan dan fungsinya serta darjah kesantunan antara individu berdasarkan penggunaan jenis ungkapan ucap selamat dalam komunikasi dan merentas budaya (Duranti, 1997; Emery, 2000; Dele Femi Akindele, 2007; Kofi Agyekum, 2008; dan Li Wei, 2010).

Oleh itu, bagi menjawab persoalan ungkapan ucap selamat dari segi makna literalnya yang anomali dan mengapakah bentuknya yang sedemikian digunakan oleh semua penutur bahasa Melayu dalam komunikasi sehari-hari, maka penulis memanfaatkan pendekatan Teori Relevans (TR) yang didasari oleh prinsip kognitif dan komunikatif. Dengan teori ini, diyakini persoalan ini dapat diperikan dengan perinci dan berpada.

UCAP SELAMAT DALAM KOMUNIKASI.

Ungkapan ucap selamat merupakan ungkapan yang penting dan kerap digunakan dalam interaksi sosial di seluruh dunia. Menurut Yaw Sekyi-Baidoo, ucap selamat dapat dijelaskan sebagai pertukaran pernyataan perasaan, perasaan ramah mesra atau ucapan selamat antara dua individu atau kumpulan yang berinteraksi untuk tujuan memenuhi kewajiban sosial atau untuk tujuan mengukuhkan hubungan antara manusia. Dalam sesetengah kes, ucap selamat digunakan sebagai permulaan bagi perbualan yang sebenarnya atau bagi memperkenalkan topik ucapan atau perbualan. ([http:// wikieducator.org/images/d/d3/Greetings_-_Faith_Solidarity.pdf](http://wikieducator.org/images/d/d3/Greetings_-_Faith_Solidarity.pdf))

Menurut Clark (1985 dlm. Li Dan), ucap selamat berlaku semasa permulaan hubungan dan permulaan topik perbualan dan semasa mengakhiri atau menamatkan topik perbualan dan hubungan (www.gdfs.edu.cn/xb/files/two/lidan.DOC).

Tambah beliau, ucap selamat tidak selalunya mendorong atau mengarah pada perbualan lanjut. Ucap selamat kadang-kadang bertindak sebagai pertukaran sosial yang bebas, misalnya sebagai “ucap selamat sepintas lalu”.

Sebagai ciri universal interaksi manusia pula, ucap selamat telah didefinisikan sebagai set peranti linguistik dan/atau bukan linguistik yang digunakan bagi pengurusan awal suatu pertemuan (Ibrahim *et al.*, 1976: 12).

Sebagai satu elemen dalam komunikasi antara budaya, ucap selamat merupakan tanggapan pertama dalam komunikasi manusia. Contohnya, apabila seseorang individu berjumpa dengan individu lain buat kali pertama, mereka mungkin mahu menyatakan perasaan mereka dengan menyatakan atau menunjukkan sesuatu. Hal ini selaras dengan definisi ucap selamat yang diberikan Seung Bong Kim *et al.*, iaitu:

Ucap selamat merupakan tingkah laku komunikasi yang bertujuan untuk menyatakan dengan sengaja tentang kehadiran seseorang individu pada individu lain, untuk menunjukkan perhatian yang diberikan pada seseorang, dan untuk mencadangkan jenis hubungan atau status sosial antara individu atau kumpulan manusia yang berhubung antara satu sama lain” (dlm. http://nic.hb.se/assets/media/kim_et_al_paper_nic09.pdf).

Bagi Malinowski (1926) pula, ucap selamat merupakan bentuk pertukaran yang menggunakan kata-kata semata-mata hanya untuk mengekalkan ikatan penyatuan atau hubungan manusia. Pada beliau, ucap selamat adalah kosong dari segi semantik dan hanya melaksanakan fungsi sosial. Sebaliknya, sarjana yang terkemudian berpendapat ucap selamat mendukung fungsi yang lebih luas dan menyeluruh berdasarkan hajat dan kesan penggunaan ucap selamat tersebut dalam konteks yang tertentu dalam interaksi manusia. Goody (1972), Othman (1995), dan Lim (1988) misalnya, menjelaskan bahawa ungkapan ucap selamat melaksanakan fungsi sosiolinguistik yang luas termasuklah memulakan, mendorong dan mengarahkan interaksi ucapan dan bagi menunjukkan kesantunan (dlm. http://wikieducator.org/images/d/d3/Greetings_-_Faith_Solidarity.pdf).

Berdasarkan pendapat dan definisi ungkapan ucap selamat yang diberikan di atas, maka dapat disimpulkan di sini bahawa tujuan ucap selamat adalah sebagai pencetus hubungan sosial, bagi menyatakan komitmen antara satu sama lain dalam pertemuan sosial dan sebagai suatu manifestasi kecekapan komunikatif dan kesantunan seseorang individu.

KEPELBAGAIAN UCAP SELAMAT

Menurut Li Dan (www.gdfs.edu.cn/xb/files/two/lidan.DOC), daripada data bahasa Inggeris dan beberapa bahasa lain, ucap selamat dapat dikelaskan mengikut masa, keformalan, kandungan, kedaerahan, latar sosial dan asal bahasa. Ucap selamat yang dikelaskan mengikut masa dapat dikelaskan kepada beberapa subkategori pula, misalnya:

1. ucap selamat sepanjang masa;
2. ucap selamat masa sebenar;
3. ucap selamat bermusim;
4. ucap selamat pengenalan; dan
5. ucap selamat upacara.

Ucap selamat sepanjang masa ialah ucap selamat yang tidak dikekang oleh penggunaannya dari segi masa. Ucap selamat ini dapat digunakan pada mana-mana hari dan bila-bila masa.

Ucap selamat masa sebenar pula merujuk ucap selamat yang digunakan secara khusus pada masa tertentu setiap hari. Contohnya selamat pagi, selamat tengah hari dan selamat malam.

Ucap selamat bermusim pula merujuk ucap selamat yang digunakan hanya pada hari istimewa yang tertentu, seperti hari Tahun Baru, Hari Krismas dan Hari Raya. Ucap selamat upacara pula merujuk ucap selamat yang digunakan pada upacara yang tertentu, seperti pada hari lahir, upacara perkahwinan, dan pertunangan.

Memandangkan fokus kajian ini tertumpu pada ungkapan ucap selamat yang berbentuk “Selamat + [x]” maka pengelasan mengikut keformalan, kandungan, kedaerahan, latar sosial dan asal bahasa tidak dijelaskan di sini kerana melibatkan kata sapaan bentuk lain.¹

TEORI RELEVANS

Teori Relevans merupakan rangka kerja bagi kajian kognisi yang digagaskan oleh Sperber dan Wilson pada tahun 1986 dan diperkemas pada tahun 1995 (edisi kedua) dengan tujuan untuk mengkaji komunikasi dengan cara realistik dari segi psikologi. Teras teori ini dibahagikan kepada dua set andaian, iaitu andaian yang berhubung dengan kognisi secara umum dan dikenali sebagai Prinsip Kognitif Relevans. Berdasarkan Prinsip Kognitif Relevans, kognisi manusia dikatakan cenderung untuk memaksimumkan relevans (Sperber dan Wilson, 1986:260).

Prinsip Kognitif Relevans ini merupakan idea asas yang mendasari Teori Relevans. Menurut Sperber dan Wilson (2002:260-66), oleh sebab setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih hanya rangsangan (input) yang paling relevans dalam persekitarannya dan memproses input ini bagi mencapai relevans yang paling optimum, maka penutur pula akan bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dikehendaki.

Relevans yang optimum ini diandaikan dapat dicapai oleh pendengar kerana Sperber dan Wilson berpendapat bahawa:

Bagi mengatakan sesuatu proposisi itu membawa andaian relevans bermaksud proposisi itu membangkitkan kesan konteks yang diperlukan bagi mencapai relevan yang optimum.

(Carston dan Blakemore, 1999:7)

Teras Teori Relevans yang kedua pula berhubung secara khusus dengan komunikasi. Prinsip Komunikatif Relevans ini dan andaian relevans yang optimal memberikan mandat pada prosedur pemahaman satu kaedah heuristik yang memandu pencarian interpretasi yang betul tentang sesuatu ujaran (seperti yang dikehendaki). Pemahaman sesuatu ujaran dianggap sebagai proses membuat inferens hajat komunikatif dan informatif penutur.

Menurut Sperber dan Wilson, Prinsip Komunikatif Relevans dan Relevans yang optimum merupakan kunci bagi Teori Relevans Pragmatik. Menurut mereka, rangsangan ostensiflah yang mewujudkan andaian relevans yang optimum melalui usaha memproses dan kesan konteks. Mengikut Sperber dan Wilson (1995:260) andaian bagi relevans yang optimum adalah seperti yang berikut:

1. rangsangan ostensif cukup relevans bagi pendengar berusaha memprosesnya; dan
2. rangsangan ostensif adalah yang paling relevans dan bersesuaian dengan kebolehan dan pilihan penutur.

Menurut teori ini lagi, akibat tekanan pemilihan yang berterusan, sistem kognitif manusia telah membentuk pelbagai mekanisma mental atau *bias* yang khusus (semula jadi atau perolehan) yang bertujuan untuk menguntukkan perhatian pada input dengan jangkaan relevans yang paling tinggi dan memproses input tersebut dengan cara yang dapat membangkitkan relevans yang paling tinggi (Wilson, 2009:394)

“Relevans” dalam teori ini merupakan istilah teknikal yang merujuk ciri input pada sistem kognitif. Sesuatu input adalah lebih relevan jika lebih banyak kesan kognitif diperolehi dan makin kurang relevan sesuatu input itu jika usaha mental yang tinggi diperlukan untuk memproses input tersebut.

Bagi Teori Relevans, kesan kognitif yang positif merupakan manfaat yang diperolehi kognisi, iaitu perubahan yang berbaloi pada sistem kognitif individu, termasuk penambahbaikan dalam representasi dunia yang terhasil semasa memproses input dalam sesuatu konteks. Perubahan dalam representasi yang kurang baik bagi memenuhi fungsi kognitif atau matlamat, misalnya perubahan yang jauh menyimpang daripada representasi yang tepat tentang dunia ialah kesan kognitif juga tetapi bukanlah kesan kognitif yang positif. Kesan kognitif yang sebegini tidak menyumbang pada relevans yang sebenar tetapi sekadar menunjukkan darjah korelevanan input tersebut (Sperber dan Wilson, 1995:263).

Kesimpulannya, Teori Relevans ini merupakan teori yang menganggap interpretasi ujaran sebagai proses mental, iaitu, kognisi manusia cenderung terarah untuk memaksimumkan relevans. Prinsip relevans komunikatif pula menegaskan bahawa rangsangan ostensif menyampaikan suatu andaian yang cukup optimum, iaitu suatu peraturan umum yang mematuhi prinsip relevans kognitif dan juga pandangan umum tentang komunikasi sebagai proses inferens. Atas dasar inilah Sperber dan Wilson (2002:607) berpendapat bahawa setiap ujaran yang disampaikan datang dengan jaminan relevan yang tertentu. Oleh itu, bagi menjamin ujaran yang disampaikan difahami, maka penutur mestilah memastikan ujaran yang disampaikan relevan dan berbaloi untuk diproses.

JUSTIFIKASI PEMILIHAN TEORI RELEVANS

Kekuatan Teori Relevans untuk diterapkan dalam analisis kajian ini terletak pada idea asas yang mendasari teori ini, iaitu dalam proses penginterpretasian ujaran ataupun maklumat, kognisi manusia sentiasa terarah untuk mencapai kesan kognitif yang sebanyak mungkin dengan usaha memproses yang sedikit mungkin (Sperber & Wilson 1995:49), dan dua prinsip terasnya yang digagaskan berdasarkan pandangan umum tentang kognisi manusia dalam komunikasi. Berdasarkan Prinsip Kognitif Relevans, dijangkakan bahawa mekanisme persepsi manusia cenderung memilih secara spontan rangsangan yang relevans sahaja. Mekanisme penerimaan pula cenderung mengaktifkan secara spontan andaian yang relevans sahaja. Mekanisme inferens cenderung memproses secara spontan rangsangan tersebut dengan cara yang paling produktif sahaja. Prinsip ini memberikan implikasi yang sangat penting terhadap proses komunikasi manusia kerana untuk berkomunikasi penutur memerlukan perhatian pendengar. Seperti yang dijangkakan oleh prinsip relevans komunikasi, perhatian pendengar cenderung secara automatik tertarik pada apa-apa yang relevans sahaja pada masa itu. Kejayaan komunikasi bergantung pada penerimaan ujaran yang paling relevans untuk diproses oleh pendengar. Oleh sebab penutur berkehendakkan ujarannya difahami, komunikasinya berjaya, maka setiap tingkah laku komunikasinya mestilah menunjukkan bahawa penutur berkehendakkan ujarannya relevans pada pendengar (Sperber dan Noveck, 2004).

Penutur yang mahu ujarannya difahami mestilah mengekang interpretasi yang dibuat oleh pendengar dengan mengekang pemilihan konteks. Hal ini kerana pemilihan konteks yang betul dengan kos memproses yang minimum dianggap sebagai cara yang berkesan untuk mengekang penginterpretasian ujaran mengikut prinsip relevans (Blakemore, 1992:137).

Dengan kata lain, pemprosesan maklumat dalam komunikasi manusia memerlukan usaha mental untuk mencapai kesan kognitif. Usaha untuk memberikan perhatian, mengingati dan menaakul diperlukan dan suatu kesan akan dicapai akibat proses pengubahan pada andaian atau pun kepercayaan pendengar melalui penambahan andaian baharu, pengguguran andaian lama, dan perubahan dari segi darjah andaian atau kepercayaan lama.

Oleh yang demikian, jelaslah bahawa Teori Relevans ini mempunyai kekuatannya dan keupayaannya yang tersendiri untuk mencerakin persoalan ungkapan ucap selamat ini.

UNGKAPAN UCAP SELAMAT YANG ANOMALI DAN PENJELASANNYA DARI SUDUT TEORI RELEVANS

Dari segi bentuk, ungkapan “Selamat Pagi”, “Selamat Jalan”, “Selamat Datang”, “Selamat Hari Jadi”, “Selamat Pengantin Baharu”, “Selamat Tahun Baru” dan pelbagai ucap selamat lain lagi merupakan gabungan kata “selamat” dengan kata lain yang dibentuk mengikut konteks dan persekitaran dengan matlamat untuk mendoakan keselamatan dan kesejahteraan individu atau kumpulan yang menerima ungkapan ucap selamat tersebut. Hal ini selaras dengan takrifan yang diberikan bagi kata “selamat”, iaitu “terpelihara atau terhindar drpd bencana, terlepas daripada bahaya 2. aman sentosa, sejahtera, tidak mendapat apa-apa gangguan: 3. ucapan atau doa dengan harapan supaya sejahtera (terhindar drpd segala bencana, sampai hajat, dll) atau sbg tanda bersyukur: 4. harapan supaya aman sentosa (sejahtera dll) yg diucapkan sbg tegur sapa (salam)” (*sumber*: <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=salamat>).

Sesuai dengan tujuan dan matlamat penggunaannya, iaitu sebagai pertukaran pernyataan perasaan, perasaan ramah mesra atau tujuan memenuhi kewajiban sosial, atau untuk mengukuhkan hubungan antara manusia. Ucap selamat ini digunakan sebagai permulaan bagi perbualan yang sebenarnya atau bagi memperkenalkan topik ucapan atau perbualan. Oleh itu, bentuk ungkapan ucap selamat yang dihasilkan seharusnya ringkas dan padat. Bentuk ungkapan ucap selamat seperti Selamat Pagi”, “Selamat Jalan”, “Selamat Datang”, “Selamat Hari Jadi”, “Selamat Pengantin Baru”, “Selamat Tahun Baru” bukanlah topik perbualan atau perbincangan utama, sebaliknya kerap kali hanya berfungsi sebagai pertukaran sosial yang bebas, iaitu “ucap selamat sepintas lalu” seperti yang dijelaskan oleh Clark (1985).

Dari perspektif Teori Relevans, penggunaan ucap selamat yang ringkas dan padat ini sebenarnya sangat menepati idea teras teori ini, iaitu Prinsip Kognitif Relevans yang menegaskan bahawa kognisi manusia cenderung untuk memaksimumkan relevans. Memandangkan setiap pendengar sentiasa berkecenderungan untuk memilih rangsangan (input) yang paling relevans sahaja dalam persekitarannya dan memproses input ini bagi mencapai Relevans yang paling optimum, maka penutur pula haruslah bertindak menghasilkan rangsangan yang dapat menarik perhatian, membantu menemukan andaian konteks yang tertentu dan mengarahkan pendengar untuk membuat kesimpulan yang dihajatkan.

Dalam hal ini penggunaan bentuk ucap selamat yang digunakan dalam komunikasi sehari-hari merupakan input yang sangat membantu pendengar untuk membuat inferens seperti yang dihayatkan oleh penutur. Andai ungkapan ini diucapkan dalam bentuk ayat yang lengkap, misalnya, “Saya mendoakan anda selamat dan sejahtera pada pagi ini/ malam ini/ tengah hari ini”, “Saya berdoa agar anda selamat, terpelihara dan terhindar daripada bencana dan terlepas daripada bahaya semasa dalam perjalananan itu nanti” atau “Saya berharap agar anda selamat dan sejahtera, terhindar daripada bencana dan terlepas daripada bahaya pada hari lahir anda/ hari perkahwinan anda/ hari pertunangan anda/ hari tahun baru” dalam situasi seperti dalam pertemuan, perkenalan, perpisahan, atau yang khusus pada hari lahir, hari perkahwinan, dan hari pertunangan tentunya penggunaan ucap selamat sebegini dilihat janggal.

Ucap selamat dalam bentuk ayat yang lengkap dan panjang ini ternyata bukan sahaja tidak memenuhi fungsi ucap selamat yang lazim seperti yang didefinisikan oleh sarjana di atas, iaitu sebagai pencetus hubungan sosial, permulaan bagi perbualan yang sebenarnya atau bagi memperkenalkan topik ucapan/perbualan. Bentuk ucap selamat dalam bentuk ayat yang lengkap dan panjang ini bukanlah bentuk yang lazim dan tidak digunakan dalam komunikasi lisan. Sekiranya ada, ucapan seumpama ini mungkin digunakan dalam upacara tertentu yang tinggi darjah keformalannya.

Berdasarkan idea teras Teori Relevans yang kedua, iaitu prinsip Relevans Komunikatif ungkapan ucap selamat ini ternyata merupakan suatu tingkah laku yang ostensif dan berbaloi untuk diproses bagi mencapai relevans yang optimum. Ertinya pendengar akan dapat memahami maksud ujaran ataupun ungkapan penutur dengan mudah dan tidak mengambil masa yang lama untuk memproses ujaran ini dibandingkan dengan ucap selamat yang dihasilkan dalam bentuk ayat yang lengkap dan panjang. Dalam hal ini, perlu ditegaskan bahawa kedua-dua bentuk ungkapan ucap selamat dalam bentuk ringkas mahupun ayat adalah relevan kepada pendengar, cuma bentuk yang ringkas dan padat itu lebih relevan dibandingkan dengan ayat yang panjang. Dalam konteks teori ini, “relevans” merupakan istilah teknikal yang merujuk ciri input (ungkapan ucap selamat tersebut) pada sistem kognitif. Berdasarkan Teori Relevans, sesuatu input adalah lebih relevan jika kos memproses input tersebut adalah rendah dan pendengar dapat mencapai kesan kognitif yang tinggi.

Dalam konteks teori Relevans, penggunaan ucap selamat oleh penutur dalam komunikasi sehari-hari bukanlah sewenang-wenangnya

sebaliknya disebabkan oleh ciri kognisi manusia itu sendiri yang bermatlamatkan relevans yang optimum. Ertinya, bentuk ucap selamat seperti “selamat pagi”, “selamat datang”, “selamat jalan” dan “selamat hari lahir” merupakan bentuk yang ekonomis dan lebih mudah ditanggapi serta dapat menjimatkan usaha pendengar bagi memikirkan bentuk inferens yang perlu dilakukan oleh pendengar bagi mencapai maksud yang cuba disampaikan oleh penutur.

Penggunaan ungkapan ucap selamat sebegini secara tidak langsung menunjukkan bahawa penutur bahasa Melayu sudah sekian lama mematuhi prinsip Relevans yang menjadi teras Teori Relevans ini. Penutur menggunakan ucap selamat ini kerana bentuk ucap selamat ini merupakan bentuk ujaran yang lebih ostensif, paling relevans dan paling mudah bersesuaian dengan kebolehan dan pilihan penutur. Penutur yang menggunakan rangsangan atau input yang ostensif ini dapat mewujudkan andaian relevans yang lebih tepat dan yang dijangkakan kerana pendengar berpendapat bahawa rangsangan ostensif ini berbaloi diproses untuk mencapai relevans yang optimum. Atas alasan inilah maka penutur jati Melayu menggunakan ungkapan “Selamat pagi”, “Selamat datang”, “Selamat hari lahir”, “Selamat jalan” dan pelbagai gabungan “Selamat + [x]” lagi dan bukannya “Saya mendoakan anda selamat dan sejahtera pada pagi ini/ malam ini/ tengah hari ini”, “Saya berdoa agar ada selamat, terpelihara dan terhindar daripada bencana dan terlepas daripada bahaya semasa dalam perjalanan itu nanti” atau “ Saya berharap agar anda selamat dan sejahtera, terhindar daripada bencana dan terlepas daripada bahaya pada hari lahir anda/ hari perkahwinan anda/ hari pertunangan anda/hari tahun baru” sebagai suatu bentuk sapaan.

Sekiranya penutur memilih untuk menggunakan ujaran ucap selamat dalam bentuk ayat yang panjang seperti di atas, dikhuatiri pendengar tidak pun memberikan perhatian kerana berdasarkan Prinsip Komunikatif Relevans, perhatian pendengar cenderung tertarik pada apa-apa yang relevan pada masa itu sahaja dan kejayaan komunikasi bergantung pada penerimaan pendengar untuk memproses ujaran yang paling relevans sahaja. Hal ini nyata dipersetujui oleh penulis berikut:

It's an unspoken rule that in general, when somebody greets you how you're doing (or what's up), they really, genuinely, don't care. They want to finish the greeting and get on with life. You're allowed a "Fine", an "OK", sometimes "Great!", and maybe the occasional

I've done better, how are you?". You are not, however, allowed to tell somebody how you actually are.

(Sumber: Styler, Will dlm <http://linguisticmystic.com/2007/02/12/how-are-you-isnt-actually-asking-how-you-are-and-other-strange-greeting-habits/>)

Jelas Styler, kadang-kala apabila seseorang individu menyapa individu lain ketika bertembung di perjalanan, yang menyapa sebenarnya TIDAK berminat langsung untuk mengetahui aktiviti individu yang disapa dan tidak kisah langsung sama ada yang disapa menjawab sapaan tersebut dengan betul atau tidak. Yang disapa tidak perlu menjawab dengan khusus atau menjelaskan dengan lanjut tentang hal dirinya atau aktiviti nya.

Kenyataan Styler ini secara tidak langsung menjelaskan lagi kenapakah penutur Melayu menggunakan bentuk ucap selamat yang ringkas dan padat itu walaupun dari segi makna literalnya mendukung makna yang anomali.

KESIMPULAN

Idea teras yang mendasari Teori Relevans ini, iaitu kognisi manusia cenderung untuk mendapatkan relevans yang optimum (Prinsip Kognitif Relevans) dan setiap tingkah laku komunikasi ostensif menyampaikan satu andaian relevans yang optimum (Prinsip Komunikatif Relevans) ternyata mampu menjelaskan persoalan bentuk ucap selamat dan maksud anomali yang diimplikasikan ungkapan tersebut.

Memandangkan kecenderungan pendengar sejagat memaksimumkan relevans dan hanya akan memberikan perhatian pada rangsangan yang hanya relevan padanya, maka penutur haruslah menghasilkan rangsangan yang ostensif yang dapat menggalakkan pendengarnya mengandaikan bahawa ujaran tersebut relevan dan berbaloi diproses. Dalam konteks ini, penutur memilih menggunakan ucap selamat seperti "Selamat pagi", "Selamat datang", "Selamat hari lahir", "Selamat jalan" dan pelbagai gabungan "Selamat + [x]" lagi dan bukannya "Saya mendoakan anda selamat dan sejahtera pada pagi ini/ malam ini/ tengah hari ini", "Saya berdoa agar ada selamat, terpelihara dan terhindar daripada bencana dan terlepas daripada bahaya semasa dalam perjalanan itu nanti" atau "Saya berharap agar anda selamat dan sejahtera, terhindar daripada bencana dan terlepas daripada bahaya pada hari lahir anda/ hari perkahwinan anda/ hari

pertunangan anda/hari tahun baru” kerana percaya bahawa bentuk seperti “Selamat pagi”, “Selamat datang”, “Selamat hari lahir”, “Selamat jalan” dan sebagainya merupakan bentuk yang paling ostensif dan paling mudah untuk diproses oleh pendengar dan tidak memerlukan usaha memproses ujaran dengan kos yang tinggi. Apabila usaha memproses rendah maka pendengar akan mencapai kesan kognitif yang tinggi dan sekali gus mencapai relevans yang optimum.

NOTA

1. Untuk bacaan lanjut tentang pengelasan ini, sila rujuk Li Dan dalam www.gdfs.edu.cn/xb/files/two/lidan.DOC

RUJUKAN

- Carston, R dan Blakemore, D. 1999. “The Pragmatics of and-Conjunctions: The Non-narrative Cases”. UCL Working Papers in Linguistics 11, hlm. 1-20.
- Dele Femi Akindele, “Lumela/Lumela: A Socio-Pragmatic Analysis of Sesotho Greetings” dlm. *Nordic Journal of African Studies* 16:1, hlm.1–17, 2007
- Duranti, Alessandro, “Universal and Culture and Specific Properties of Greetings” dlm *Journal of Linguistic Anthropology* 7:1, hlm. 63-97, 1997.
- Emery, P.G., “Greeting, Congratulating and Commiserating in Omani Arabic Language” dlm. *Culture and Curriculum* 13:2 hlm.196–217, 2000.
- <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=salamat>. [Capaian 20 Oktober 2013].
- Li Dan. “A Contrastive Study Of Greetings And Partings In English And Chinese” dlm. www.gdfs.edu.cn/xb/files/two/lidan.DOC, [Capaian 21 Oktober 2013].
- Maysa'a Kadhim Jibreen, “The Speech Act of Greeting: A Theoretical Reading” dlm. *Journal of Kerbala University* 8:1, Humanities 2010. daripada <http://www.iasj.net/iasj?func=fulltext&aId=69248> [Capaian 20 Oktober 2013].
- Nicholas Allott. “Relevance Theory” dlm. [olk.uio.no/nicholea/papers/Draft_for_Allott,_N._\(forthcoming\)._Relevance_theory._In_A._Capone,_F._Lo_Piparo_&_M._Carapezza_\(Eds.\),_Perspectives_on_Pragmatics_and_Philosophy_Springer.pdf](http://olk.uio.no/nicholea/papers/Draft_for_Allott,_N._(forthcoming)._Relevance_theory._In_A._Capone,_F._Lo_Piparo_&_M._Carapezza_(Eds.),_Perspectives_on_Pragmatics_and_Philosophy_Springer.pdf) [Capaian 18 Okt 2013].
- Notes from a Linguistic Mystic. “How Are You?” Isn’t Actually Asking How You Are, and Other Strange Greetings Habits” dlm. <http://linguisticmystic.com/2007/02/12/how-are-you-isnt-actually-asking-how-you-are-and-other-strange-greeting-habits/> [Capaian 20 Oktober 2013].
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. *Relevance: Communication and Cognition*. Oxford: Blackwell.

JURNAL BAHASA

- Sperber, D. & Wilson, D., 1995. *Relevance: Communication and Cognition*. Edisi Kedua. Oxford: Blackwell
- Sperber, D. dan Wilson, D., “Pragmatics, Modularity and Mind-reading” dlm. *Mind and Language* 17:1-2: 3-23, 2002.
- Sperber, D. & Noveck, I. 2004. “Introduction” dlm. Noveck, I. & Sperber, D. (ed.) *Experimental Pragmatics*. Palgrave, 1-22.
- Wilson, D. 2009. “Relevance Theory” dlm. L. Cummings (ed.) *The Pragmatics Encyclopedia*. London: Routledge, hlm 393 – 99.
- Yaw Sekyi-Baidoo. “Greetings, Faith and Solidarity: An Analysis of the Use of Greetings and Responses” in the International Central Gospel church (ICGC) of Ghana, http://wikieducator.org/images/d/d3/Greetings_-_Faith_Solidarity.pdf [Capaian 19 Oktober 2013].